

Pemboleh ubah dorong guna pengangkutan awam

Kuala Lumpur: Warga kota dan penduduk di sekitar Lembah Klang menjangkakan projek MRT Jajaran Sungai Buloh-Kajang (SBK) bakal menjadi tumpuan dan mampu mengubah cara hidup mereka menggunakan pengangkutan awam sebagai pengangkutan utama ke tempat kerja.

Tinjauan Harian Metro mendapati masyarakat menerima baik pembangunan kemudahan dan perkhidmatan itu serta menganggap ia sebagai usaha mengelakkan kesesakan, lalu lintas jika berkenderaan.

Ahli perniagaan, Ng Cheow Kwang, 40, berkata, sekiranya perkhidmatan MRT Lembah Klang tidak mempunyai masalah seperti tergendala, kerap berlaku perubahan jadual atau masalah kelewatan, ia akan menjadi pilihan utama masyarakat.

“Meskipun ia mungkin tidak mengajak masyarakat menaiki tren secara sepenuhnya, tetapi ia mendidik sedikit demi sedikit mereka yang tidak bekerja atau keluar membeli-belah untuk menaiki MRT.

“Secara tidak langsung, jika perkhidmatannya tiada



Saya pasti pekerja waktu pejabat juga akan memilih MRT”

Ng Cheow Kwang

masalah dan berhasil memuaskan hati penduduk kawasan, saya pasti pekerja waktu pejabat juga akan memilih MRT,” katanya ketika ditemui di Stesen Kereta Api Sungai Buloh, semalam.

Pelajar Kolej Universiti Poly-Tech MARA Kuala Lumpur, Nur Hafizah Ahmad Hanipah, 20, berkata, pembinaan MRT Lembah Klang se-



Kami berharap perkhidmatan ini akan mengikut masa penjadualan ditetapkan”

Nur Hafizah Ahmad Hanipah

kaligus menambah mudah lagi rakyat negara ini yang tidak berkenderaan terutamanya pelajar.

“Jika MRT menjadi pilihan seperti yang dijangkakan, ia adalah satu usaha untuk mengelakkan kesesakan di bandar raya. Namun, kami berharap perkhidmatan ini akan mengikut masa penjadualan yang ditetapkan.

“Seperti yang kita sedia



Saya sebagai pengguna pengangkutan awam tidak sabar menanti kemunculan MRT”

Zulkifli Abdul Karim

maklum, pengurusan masa kebanyakan pengangkutan awam kereta api ini bermasalah dan saya sebagai pengguna pengangkutan awam tidak sabar menanti kemunculan MRT,” katanya.

Pemandu teksi, Zulkifli Abdul Karim, 61, berkata, MRT sudah pasti menjadi tumpuan penduduk di 31 kawasan yang dijadikan sebagai stesen perhentian.



Jika ia benar, sekaligus memudahkan perjalanan ke tempat kerja serta jimatkan wang dan masa”

Muhammad Aliff Irfan Rahim

“Persaingan pengangkutan awam juga semakin sengit apabila beberapa stesen turut menyediakan bas kitaran percuma, namun ia tidak menjejaskan perkhidmatan teksi kerana hanya beberapa kawasan yang terbabit.

“Tetapi kita masih belum tahu lagi apa yang bakal berlaku, sekiranya ia berfungsi dengan baik, ramai yang akan memilih pengangkutan

awam itu meskipun untuk jarak dekat,” katanya.

Pelancong dalam negara, Muhammad Aliff Irfan Rahim, 18, berkata, perkhidmatan MRT yang diharapkan pembabit 50 peratus penduduk di Lembah Klang bakal menjadi platform untuk mengurangkan kesesakan jalanraya.

“Saya difahamkan, tren MRT ini mampu memudahkan 10 juta penduduk Kuala Lumpur dan jika ia benar, sekaligus memudahkan perjalanan ke tempat kerja warga kota serta menjimatkan wang dan masa.

“Jika perkhidmatan ini lebih efisien daripada transit aliran ringan (LRT), ia tidak memerlukan banyak masa untuk menarik ramai pengguna,” katanya ketika ditemui di KL Sentral, semalam.

Menurutnya yang berasal dari Bachok Kelantan, cara hidup bandar akan berubah untuk memilih menggunakan pengangkutan awam ke tempat kerja sekiranya kemudahan pengangkutan itu menepati dengan citarasa penduduk kota.